

04 DEC 1996

DIVIDEN ASB TAHUN INI NAIK 0.25 PERATUS

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Dividen skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) naik 0.25 peratus bagi tahun berakhir 31 Dis 1996 kepada 10.25 peratus dengan peruntukan sebanyak RM2,406.2 juta berbanding 10 peratus dengan peruntukan sebanyak RM1,932.5 juta tahun lepas.

Pembayaran bonus, bagaimanapun, kekal pada tiga peratus, demikian menurut kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang dibacakan oleh ketua eksekutif kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Datuk Mohamed Hilmey Mohamed Taib pada sidang media di ibu pejabat PNB di sini, hari ini.

Jumlah keseluruhan pulangan dividen dan bonus sebanyak 13.25 peratus adalah "berpatutan bagi satu jenis pelaburan jangka panjang dan mempunyai risiko yang sangat rendah seperti Skim ASB," katanya.

Dr. Mahathir, yang juga pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera, berkata skim ASB akan memperuntukkan RM3,103.3 juta sebagai dividen dan bonus bagi pelaburan di sepanjang tahun 1996, naik 23.9 peratus daripada RM2,503.9 juta tahun sebelumnya.

Jumlah ini adalah yang terbesar yang dibuat sejak skim Amanah Saham Nasional/ASB dilancarkan, tambahnya.

Bagi pembayaran bonus, buat pertama kalinya skim ASB akan memperuntukkan pulangan bonus atau unit percuma kepada pelabur ASB. Pada tahun-tahun lepas, bonus diperuntukkan oleh PNB.

Menurutnya peruntukan bonus pada tahun ini adalah sebanyak RM697.1 juta berbanding RM571.4 juta. Ini adalah bersamaan dengan satu unit bonus bagi setiap 33.33 unit yang dipegang.

"Kemampuan skim ASB mengeluarkan bonus ini adalah kerana pelaburannya di sepanjang tahun ini telah berkembang selaras dengan perkembangan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur," katanya.

Dr. Mahathir juga mengumumkan bahawa pelabur ASB akan menerima baucer dividen dan bonus serta Laporan Pengurus mulai Februari 1997.

Bagi urusan pengiraan dividen dan unit percuma, semua urusan niaga bagi skim ASN dan ASB ditangguhkan di semua ejen, pejabat cawangan dan ibu pejabat PNB mulai 16 Dis 1996 hingga 1 Jan 1997.

Urusan niaga kedua-dua skim tersebut akan berjalan seperti biasa mulai 2 Jan 1997. Bagaimanapun, urusan niaga skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) kecuali jualan balik, boleh dilakulkan seperti biasa dan tidak tertakluk kepada penangguhan ASN dan ASB.

Dr. Mahathir berkata adalah dianggarkan bahawa unit ASB yang diwujudkan sehingga akhir tahun ini akan meningkat 17.8 peratus kepada 24,340 juta unit berbanding dengan 20,670.2 juta pada akhir tahun lepas.

Beliau juga berkata bagi tahun 1996, 25.9 peratus daripada jumlah pendapatan skim ASB diperolehi daripada dividen, 69.5 peratus daripada keuntungan jualan balik pelaburan dan selebihnya daripada pendapatan lain, berbanding dengan 31.6 peratus dividen dan 63.6 peratus keuntungan jualan balik pelaburan pada tahun 1995.

Beliau juga berharap yang pelabur akan terus mengekalkan perolehan dividen dan bonus yang diperolehi di dalam skim ASB dan terus menambah pelaburan kerana skim ini merupakan tabungan pelaburan jangka panjang yang stabil dan menguntungkan.

"Selain itu, pelaburan menerusi pasaran modal ini akan menjadikan kumpulan wang dilaburkan lebih produktif dan secara tidak langsung akan membantu membanteras inflasi," tambahnya.

"Saya sekali lagi ingin menegaskan bahawa PNB, dalam apa juga keputusan yang diambil, akan sentiasa memastikan kepentingan pelaburan masyarakat am Bumiputera dalam skim ASB, diuruskan dengan bijaksana dan sebaik-baiknya.

"PNB juga sentiasa memastikan komitmennya yang tinggi dalam menjaga dan menguruskan dana pelaburan para pelabur ASB demi mengukuhkan kepentingan ekuiti Bumiputera di sektor korporat," kata Perdana Menteri.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan pada persidangan media tersebut, jumlah pelaburan bersih bagi skim ASB adalah sebanyak RM23,914 juta dengan jumlah pelabur seramai 4.5 juta pada 31 Okt 1996.

Jumlah pelaburan bersih pada 31 Dis 1995 adalah RM20,631 juta dengan jumlah pelabur seramai 4.2 juta.

Sehingga 30 Nov 1996, jumlah pelabur akaun dewasa adalah 4.107 juta dengan jumlah pelaburan 24,076 juta unit berbanding dengan akaun remaja 399,814 pelabur dengan jumlah pelaburan 197 juta.

Jumlah yang layak melabur untuk akaun ASB adalah 6.857 juta dan jumlah yang layak melabur untuk akaun remaja adalah 1.259 juta.

Bilangan pelabur terkumpul dan nilai pelaburan ASB lima teratas mengikut negeri, dari segi peratusan penyertaan, ialah Wilayah Persekutuan sebanyak 583,381 orang atau 112.49 peratus dengan nilai pelaburan bersih RM4,237.388 juta, Negeri Sembilan (199,501 atau 75.48 peratus dengan pelaburan RM970.716 juta), Pulau Pinang (209,406 atau 66.01 peratus dengan pelaburan RM1,346.112 juta), Melaka (147,038 atau 59.2 peratus dengan pelaburan RM762.256 juta) dan Sabah (473,779 atau 58.7 peratus dengan pelaburan RM1,568.396 juta).

Pelaburan ASB lima teratas mengikut pekerjaan adalah perkeranian dengan pelaburan bersih RM4,051.790 juta, guru RM1,947.845 juta, bekerja sendiri RM1,011.550 juta, tentera RM836.425 juta dan peneroka RM284.635 juta.

Sementara itu, semasa bersoal-jawab dengan pemberita, Mohamed Hilmei berkata PNB sentiasa menjual dan membeli saham dalam berbagai syarikat untuk memberikan faedah kepada pemegang saham amanah yang diuruskannya.

Pada masa ini, PNB tidak berbincang dengan sesiapa mengenai penjualan ekuiti dalam sesuatu syarikat dalam jumlah yang besar, katanya.

Bagaimanapun, beliau menambah: "Kami tidak akan bercakap mengenai menjual sehingga urusan niaga diselesaikan".

Mengenai pelaburan PNB di Bursa Saham Kuala Lumpur, beliau berkata pada satu-satu masa, jumlah pelaburan di BSKL dianggarkan di antara lima peratus hingga 10 peratus daripada jumlah permodalan pasaran.

PNB akan membeli saham di BSKL bila ia berada di bawah nilai sebenar dan menjual jika berada di atas nilai sebenar. "Kami tidak terburu-buru."

"Pada masa ini, nisbah perolehan harga pasaran tidaklah rendah ataupun tinggi. Masih terdapat ruang untuk sama ada bertambah baik atau melakukan pembetulan," katanya.

Bila ditanya mengenai sama ada PNB telah memasuki pasaran hadapan, beliau berkata: "Kami melihat kepada semua instrumen baru dan akan masuk jika kami berasa selesa dengannya. Kami belum memutuskannya lagi." --

BERNAMA

JR SIA